



(6 April 2020) Editor, p. 21

Kluster kes perjalanan ke Itali

KKM mendapati kluster berkenaan iaitu pesakit ke-1,580 telah menjangkiti 37 orang

Oleh NURHIDAYAH HAIROM

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan terdapat lima kes kematian Covid-19 adalah daripada kluster yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara Itali.



DR NOOR HISHAM

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, hasil siasatan mendapati kluster berkenaan iaitu pesakit ke-1,580 telah menjangkiti seramai 37 orang sehingga generasi ketiga di Kuching, Sarawak. "Lima kes kematian melibatkan kes ke-1,031, kes ke-1,032, kes ke-1,006, kes ke-2,850 dan kes ke-2,210 serta satu kes kritikal yang memerlukan bantuan pernafasan yang

sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Sehingga jam 12 tengah hari 5 April 2020, sebanyak 180 buah negara di seluruh dunia yang terjejas akibat Covid-19. Justeru, sememangnya terdapat risiko bagi kes-kes luar negara diimport Covid-19 ke dalam negara dan mengakibatkan penularan di Malaysia," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Justeru, beliau menegaskan, adalah penting agar semua pihak bersikap jujur dengan memberikan maklumat lengkap sekiranya mempunyai sejarah kontak rapat, maklumat berkaitan perjalanan ke luar negara atau pernah terabit dalam sebarang perhimpunan yang diumumkan kementerian sebagai berkait rapat dengan jangkitan kes positif Covid-19.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, tiada laporan wabak Covid-19 merebak melalui makanan setakat ini.

Beliau mengulas mengenai wujudnya kebimbangan sekiranya ada pekerja restoran yang menyediakan makanan untuk dibawa pulang didapati positif wabak itu.

KES KEMATIAN BAHARU COVID-19 DI MALAYSIA

Kes ke	Kematian ke	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar belakang
2210	58	Lelaki	72	Hospital Umum Sarawak	Mempunyai penyakit kencing manis dan darah tinggi. Kontak rapat kepada kes-1031.
3484	59	Lelaki	68	Hospital Kuala Lumpur	Mempunyai penyakit kencing manis.
3073	60	Lelaki	53	Hospital Umum Sarawak	—
2200	61	Lelaki	66	Hospital Keningau, Sabah	Mempunyai kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang.

61 Kematian Setakat 05 April 2020

Sumber: CPKRC Kebangsaan, kkm, UKK, MOH

Empat lagi kematian akibat Covid-19 dicatatkan di Malaysia setakat semalam.

"Kita belum dengar virus ini merebak melalui makanan tetapi jika salah seorang pekerja positif Covid-19, maka kita perlu saring kontak rapat restoran itu," katanya.

Dalam pada itu, katanya, projek terowong sanitasi merupakan inovasi yang baik namun pihaknya perlu melihat keberkesanan kaedah itu dalam mem-

basmi wabak Covid-19 berdasarkan bukti penyelidikan.

"Di KKM, kita bertindak berdasarkan fakta. Kita perlu lihat penyelidikan untuk tunjukkan sama ada ia berkesan atau tidak, apakah bahan kimia yang digunakan dan pelbagai lagi. Inovasi ini baik tapi perlu ada penyelidikan sama (mengenainya)," kata beliau.

Jumlah pesakit sembuh lepsi angka 1,000

PUTRAJAYA - Jumlah keseluruhan pesakit yang pulih sepenuhnya dan dibenarkan discaj dari wad melebihi 1,000 orang semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, terdapat 90 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam.

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak 1,005 kes iaitu 27.44 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau turut memaklumkan, empat lagi kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan berlaku semalam menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 61 kes.

Sementara itu, katanya, kerajaan akan mula menerima kit ujian pengesanan antigen dari Korea Selatan mulai hari ini.

"Dengan kit ujian ini diharapkan ia dapat mencapai sasaran kita untuk melakukan sehingga 16,500 ujian sehari," ujarnya.

Katanya, kerajaan juga menggandakan usaha dengan mengambil pendekatan menempah sebuah mesin dari China yang boleh melakukan ujian dengan cepat iaitu 5,000 sehari.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

